

## **KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT DI KOLEJ BERSEKUTU UiTM: SATU KAJIAN**

**Suriana Che Daud, Saidatul Akmar Hj. Ismail,  
Zohra Hj Ibrahim dan Hasnah Abdul Rahim**

Universiti Teknologi MARA, Fakulti Pengurusan Maklumat,  
Kampus Puncak Perdana, No.1, Jalan Pulau Angsa AU 10 A,  
Seksyen U10, 40150 Shah Alam

### **ABSTRAK**

*Perpustakaan yang terdapat di universiti dan kolej universiti dibangunkan untuk memenuhi keperluan maklumat pengguna mereka. Pelbagai perkhidmatan dan kemudahan maklumat di sediakan bagi memenuhi keperluan ini. Kajian ini mengkaji kemudahan dan perkhidamatan yang disediakan oleh lima kolej bersekutu UiTM di kawasan Lembah Kelang. Kajian kualitatif ini meninjau sebelas aspek dan hasil kajian dibandingkan dengan piawaian yang telah digariskan Persatuan Pustakawan Malaysia untuk perpustakaan kolej.*

### **ABSTRACT**

*Libraries in universities and university colleges are there to serve their users in their quest for information. Various information services and facilities are provided to satisfy their users' needs. This study looks at facilities and services provided by the libraries in five UiTM affiliated colleges within the Klang Valley. The qualitative study looks at eleven areas and the results are benchmarked against Persatuan Pustakawan Malaysia's guidelines for college libraries.*

**Katakunci:** Information services; User satisfaction; Universiti Teknologi MARA; Qualitative research.

### **PENDAHULUAN**

Di dalam kepesatan arus kemajuan teknologi hari ini, kedudukan perpustakaan sebagai salah sebuah agensi maklumat utama agak tercabar. Sudah ramai para intelektual dan ahli pemikir yang menjangkakan bahawa kedudukan perpustakaan akan pupus dek penangan arus teknologi yang deras. Oleh itu, para pustakawan yang selama ini menjadi pendokong kepada perpustakaan, secara berterusan melibatkan diri dalam proses pengukuran dan penilaian untuk menambahbaik perkhidmatan maklumat dan juga dalam memahami proses pencarian maklumat pengguna perpustakaan.

***Suriana Che Daud, Saidatul Akmar Hj. Ismail, Zohra Hj Ibrahim & Hasnah Abdul Rahim***

Perpustakaan kolej merupakan sebuah tempat yang dikunjungi oleh pelajar bagi mendapatkan bantuan menyelesaikan tuntutan intelektual mereka serta dididik oleh kakitangan professional bertugas untuk menyudahkan tugas mereka, dan seterusnya para pelajar berkemampuan untuk melakukan pencarian maklumat secara bersendirian di masa-masa terluang, 24 x 7, dengan bantuan teknologi baru.

Penyelidikan ini merupakan kajian khusus untuk melihat keadaan perpustakaan atau pusat sumber yang disediakan untuk pelajar. Melalui projek ini, para penyelidik dapat mengetahui keupayaan dan infrastruktur yang disediakan oleh kolej untuk membantu dalam pembelajaran dan pengajaran pelajar. Hasil penyelidikan ini membantu dalam:

- a. mencadangkan perubahan yang boleh dilakukan dalam piawai yang telah digubal untuk memperbaiki keadaan pusat sumber atau perpustakaan kolej.
- b. mengukur sejauh mana keupayaan kolej swasta menyediakan kemudahan asas dalam menyediakan perkhidmatan maklumat kepada pelajar dan pensyarah.
- c. Membantu dalam memperbaiki keadaan perpustakaan dan pusat sumber.
- d. Mengukur sejauh mana kolej swasta menggunakan piawaian yang dicadangkan.

Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk:

- a. mengenal pasti jenis-jenis perkhidmatan maklumat yang disediakan oleh kolej bersekutu.
- b. mengetahui adakah perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan mengikut piawai yang dicadangkan oleh PERPUN iaitu *Standard Perpustakaan Bagi Kolej Swasta (Edisi Mei 2002)*.

Penyelidikan ini hanya melihat keadaan pusat sumber atau perpustakaan kolej yang berada di Lembah Kelang sahaja. Kini Universiti Teknologi MARA (UiTM) mempunyai 40 kolej yang menawarkan program francais dan 5 buah kolej sahaja yang terlibat dalam penyelidikan ini. Penyelidikan ini akan hanya melihat kemudahan maklumat serta perkhidmatan maklumat sahaja. Penilaian akan dilakukan dengan menggunakan *Standard Perpustakaan Bagi Kolej Swasta (Edisi Mei 2002)* sebagai garis panduan.

Aspek-aspek yang dikaji adalah :

- a. kemudahan fizikal yang disediakan seperti ruang, perabot, kelengkapan dan persekitaran.

## ***Kemudahan dan Perkhidmatan Maklumat di Kolej Bersekutu UiTM***

- b. perkhidmatan maklumat seperti bilangan koleksi yang ada mengikut jenis bahan, langganan kepada perkhidmatan maklumat atas talian, perkhidmatan pinjaman, dan perkhidmatan rujukan dan sebaran maklumat.
- c. Lain-lain kemudahan yang berkaitan dengan perkhidmatan maklumat.

### **DEFINISI KONSEP**

Kolej bersekutu: kolej swasta setelah mendapat hak dari Universiti Teknologi Mara dengan syarat-syarat yang telah ditentukan dalam Memorandum Persefahaman (MOU) diantara kedua-dua pihak.

Kemudahan: peralatan dan kemudahan fizikal yang disediakan di perpustakaan atau pusat sumber seperti koleksi, kelengkapan perabot, ruang dan persekitaran seperti yang dicadangkan dalam piawaian PERPUN.

Perkhidmatan maklumat: perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan atau pusat sumber untuk memenuhi keperluan maklumat pengguna. Ini dilakukan melalui penyediaan dan penyebaran maklumat dalam bentuk senarai bacaan, abstrak, artikel di dalam terbitan bersiri terkini dan sebagainya yang bersesuaian dengan minat dan keperluan pengguna (Harrods, 1995).

### **KAJIAN-KAJIAN BERKAITAN**

Satu kajian peringkat nasional di kalangan pengguna perpustakaan di kolej dan universiti telah dijalankan oleh sebuah firma penyelidik, Outsell Inc. atas persetujuan Digital Library Federation (DLF) dan Council on Library and Information Resources (CLIR), telah berjaya mengumpulkan data melalui temubual (kira-kira setengah jam satu responden) yang dijalankan antara 14 November 2001 sehingga 2 Februari 2002. Kajian ini hanya mengambilkira apa yang dikatakan oleh responden dan tidak membuat sebarang pemerhatian ke atas keadaan sebenar. Kajian ini melibatkan 3,234 pensyarah, pelajar ijazah pertama dan pasca siswazah daripada 392 universiti swasta dan awam serta kolej pengajian sastera. Penemuan kajian ini mendapati bahawa lebih 90% daripada responden selesa dengan penggunaan maklumat secara elektronik dan sangat atau agak selesa menggunakan laman web institusi mereka. Seterusnya kajian menunjukkan bahawa bahan bercetak banyak digunakan di dalam penyelidikan dan pengajaran terutamanya di dalam bidang sastera dan kemanusiaan, dan peratusan menurun di kalangan responden di dalam bidang undang-undang dan perniagaan. Malah, 90% daripada keseluruhan responden sangat bersetuju atau bersetuju mengatakan “Buku dan jurnal bercetak akan menjadi sumber yang penting untuk 5 tahun ke hadapan” (Marcum & George, 2003).

***Suriana Che Daud, Saidatul Akmar Hj. Ismail, Zohra Hj Ibrahim & Hasnah Abdul Rahim***

Secara keseluruhan, kajian ini menggambarkan peranan perpustakaan di pusat-pusat pengajian tinggi amat diperlukan dan penting dalam menjana keilmuan. Penggunaan bahan-bahan elektronik atau dalam talian amat tinggi permintaannya. Oleh itu, perlulah dipastikan ada kesinambungan dalam pengurusan bahan kandungan, teknologi pengaksesan, peruntukan untuk infrastruktur dan pendigitalan, serta membuka laluan para pengguna kepada bahan yang disediakan oleh perpustakaan-perpustakaan di seluruh dunia.

Maughan (1999) telah membentangkan laporan kajian kepuasan dan penggunaan perpustakaan di kalangan pengguna perpustakaan Universiti California, Berkeley. Kajian ini dilakukan pada tahun 1997 oleh pihak perpustakaan untuk membantu dan mengenalpasti keupayaan perpustakaan dalam memuaskan hati pengguna, kos yang terlibat dan penggunaan koleksi dan perkhidmatan. Kaedah kuantitatif dan kualitatif digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan pengguna menganggap koleksi perpustakaan adalah “baik” dan “cemerlang”. Sebanyak 99% pengguna menyatakan mereka kerap pergi ke perpustakaan tetapi kurang separuh daripada responden pensyarah tidak mendapatkan nasihat daripada pustakawan dalam pencarian maklumat. Lebih 60% responden mengakui bahawa mereka “tidak mempunyai pengalaman yang mencukupi untuk membuat penilaian ke atas bahan koleksi” kerana kurangnya promosi bahan-bahan atau perkhidmatan perpustakaan yang sedia ada. Tetapi, kebanyakan responden menyatakan secara berulang-ulang bahawa bahan yang lengkap, luas ruang lingkupnya dan mencukupi merupakan faktor terpenting dalam membantu kerja-kerja penyelidikan dan ilmiah.

Sistem pendidikan negara kita telah melangkah setapak lagi dengan memperkenalkan program français yang memberi peluang kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan (STPM) yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Memandangkan IPTA mempunyai tempat terhad untuk menampung lepasan, tersebut program français merupakan salah satu saluran yang boleh digunakan untuk menyambung pelajaran.

Tindakan UiTM memfrancaiskan programnya kepada beberapa kolej swasta bertujuan untuk menambah tempat dan membantu lebih ramai pelajar bumiputra mendapat pendidikan tinggi. Langkah ini adalah selaras dengan kehendak negara dalam melahirkan ramai cendikiawan. Bagaimanapun, dalam memfrancaiskan programnya, UiTM perlu memikirkan mengenai kualiti kolej tersebut serta memastikan kolej terpilih mempunyai infrastruktur serta kemudahan asas untuk

### ***Kemudahan dan Perkhidmatan Maklumat di Kolej Bersekutu UiTM***

menawarkan program. Perlu ada mekanisma kawalan mutu daripada UiTM bagi memastikan syarat-syarat tertentu dipatuhi, antaranya QQ 5E, persijilan ISO dan sebagainya (Utusan Malaysia Online, 2007).

Salah satu aspek yang perlu difikirkan ialah kemudahan dan perkhidmatan maklumat. Perkara ini amat penting bagi memastikan infrastruktur sokongan pembelajaran dan pengajaran disediakan. Kemudahan yang disediakan perlulah memberi kesenangan kepada pengguna dalam mendapatkan bahan yang diperlukan serta menyediakan persekitaran aktiviti pencarian dan dapatan maklumat (Hofstetter, 1995).

Kemudahan seperti perabot harus mengambil kira kepentingan dan keselesaan pengguna yang menggunakan kelengkapan untuk tujuan yang berkaitan dengan aktiviti pembelajaran mereka. Dari aspek koleksi pula perpustakaan atau pusat sumber yang komprehensif memerlukan gabungan daripada pelbagai aspek yang berkaitan dengan kursus yang ditawarkan. Perpustakaan perlu mempunyai koleksi yang kukuh dan menyeluruh serta menepati kurikulum dan aktiviti penyelidikan (Wood, 1997).

Banyak laporan yang diterima dan dipaparkan di dada akhbar mengatakan kolej yang menawarkan program francais tidak menepati apa yang dicadangkan dalam piawaian Lembaga Akreditasi Negara atau kini dikenali sebagai Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Antaranya ialah kemudahan pembelajaran yang tidak mencukupi, kemudahan maklumat yang sangat minima serta jauh dari apa yang sepatutnya disediakan oleh kolej (Kertas Kerja Kajian Sistem Pendidikan Kebangsaan, n.d.). Oleh itu adalah wajar penyelidikan terhadap program francais UiTM dijalankan.

#### **KAEDAH PENYELIDIKAN**

Kaedah yang dilakukan ialah kaedah kualitatif yang bertujuan untuk mendapatkan gambaran mengenai keadaan kemudahan dan perkhidmatan maklumat pusat sumber atau perpustakaan kolej. Tinjauan dan pemerhatian berdasarkan senarai semak yang digubal mengikut piawaian PERPUN digunakan untuk melihat kemudahan dan perkhidmatan yang sedia ada. Populasi yang terlibat adalah semua kolej yang menawarkan program francais UiTM di Lembah Kelang dan kesemua pustakawan atau pegawai pusat sumber dijadikan responden untuk mengetahui secara mendalam mengenai kemudahan dan perkhidmatan maklumat yang disediakan. Alat penyelidikan yang digunakan ialah senarai semak dan soalan temubual. Penganalisaan data dilakukan secara pengambilan nota catatan dan nota percakapan

*Suriana Che Daud, Saidatul Akmar Hj. Ismail, Zohra Hj Ibrahim & Hasnah Abdul Rahim*

melalui perbualan yang dirakam. Melalui cara ini diharap maklumat yang menyeluruh mengenai aspek yang dikaji dapat menerangkan situasi sebenar.

## **KAJIAN KES SECARA KUALITATIF DAN PENEMUAN**

### **Kajian Kes**

Di dalam kajian yang dijalankan, setiap perpustakaan kolej yang terpilih telah dinamakan sebagai Pustaka A, B, C, D dan E serta merupakan kajian kes kelima-lima perpustakaan ini dikelola oleh kolej bersekutu UiTM di kawasan Lembah Kelang. Perbincangan dan analisis setiap kajian kes ini dilakukan mengikut setiap seksyen yang tercatat di dalam senarai semak soalan temuramah yang berstruktur.

### **Hasil Penemuan**

Walaupun kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti kedudukan perkhidmatan dan kemudahan maklumat di kolej bersekutu UiTM, aspek kepuasan pengguna juga perlu diberi perhatian. Oleh itu, adalah penting bagi hasil kajian ini dibandingkan dengan piawaian yang telah digariskan Persatuan Pustakawan Malaysia untuk perpustakaan kolej.

Penemuan kajian kes ini dibahagikan kepada 11 seksyen, iaitu:

- Seksyen A: Data demografi pustakawan
- Seksyen B: Maklumat kakitangan
- Seksyen C: Kemudahan
- Seksyen D: Kemudahan untuk golongan istimewa (kurang upaya)
- Seksyen E: Perkhidmatan perpustakaan
- Seksyen F: Bahagian IT
- Seksyen G: Koleksi perpustakaan
- Seksyen H: Organisasi bahan-bahan
- Seksyen I: Kawalan kualiti
- Seksyen J: Pembangunan koleksi
- Seksyen K: Perkembangan dan latihan staf

### **Seksyen A: Data Demografi Pustakawan**

Kesemua perpustakaan kolej yang terlibat di dalam kajian ini diuruskan oleh pustakawan profesional. Kelayakan mereka adalah 3 orang mempunyai ijazah sajana muda di dalam bidang sains perpustakaan dan maklumat, manakala bakinya mempunyai ijazah sarjana. Tetapi pengalaman bekerja adalah pelbagai. Pengalaman bekerja mereka adalah seawal sebulan hingga menjangkau lebih 18 tahun. Dari segi status, 3 orang responden belum berumahtangga.

## ***Kemudahan dan Perkhidmatan Maklumat di Kolej Bersekutu UiTM***

### **Seksyen B: Maklumat Kakitangan**

Pengurusan perpustakaan kolej dijalankan oleh kakitangan yang profesional, separa profesional, dan bukan profesional. Setiap perpustakaan ditadbir oleh seorang profesional, satu hingga dua orang separa profesional, serta satu hingga tujuh orang bukan profesional. Kelulusan bagi kakitangan profesional adalah ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana di dalam bidang sains perpustakaan dan maklumat, kakitangan separa profesional berkelulusan sijil dan diploma, manakala kakitangan bukan profesional berkelayakan SPM dan STPM. Empat orang responden menerima latihan dijalankan oleh pihak pengurusan kolej. Hanya pustakawan dari sebuah perpustakaan belum pernah menerima latihan.

### **Seksyen C: Kemudahan**

Keluasan pejabat pengurus atau pustakawan adalah pelbagai. Bukaan yang ada didapati seluas 32.5 meter persegi hingga 6.6 meter persegi. Manakala pejabat untuk kakitangan sokongan adalah diantara 16.5 meter persegi hingga 32.5 meter persegi. Hanya satu kajian kes yang tidak menyediakan ruang pejabat untuk kakitangan sokongan.

Kajian mendapati bahawa di kawasan stak buku yang memuatkan rak, terdapat dua jenis rak iaitu rak sisi sebelah dan rak sisi dua belah. Terdapat dua hingga 12 buah rak sisi sebelah dan lapan hingga 40 rak sisi dua belah. Keseluruhan muatan lantai adalah di antara 12 hingga 52 buah rak.

Bahagian ruang bacaan boleh memuatkan sekurang-kurangnya 165 hingga 450 tempat duduk. Terdapat dua jenis meja bacaan iaitu meja terbuka dan meja karel. Bilangan meja terbuka lebih banyak iaitu antara 24 hingga 260 buah. Bagi meja karel, bilangannya terhad iaitu antara enam hingga 42 buah. Bukaan bagi meja terbuka adalah di antara 1.5 meter persegi hingga 2.1 meter persegi. Manakala, meja karel adalah 0.06 meter persegi.

Kesemua perpustakaan menyediakan kemudahan seperti mesin fotokopi, bilik perbincangan dan tandas. Empat perpustakaan menyediakan kemudahan bilik karel dan dua menyediakan alat imbasan untuk pengguna. Kajian juga mendapati peruntukan yang terhad menyebabkan mereka tidak mampu untuk menyediakan kemudahan semaksima yang mungkin.

### **Seksyen D: Kemudahan untuk golongan istimewa (kurang upaya)**

Hanya sebuah perpustakaan menyediakan kemudahan khusus untuk golongan kurang upaya seperti lif dan tandas. Kajian mendapati empat perpustakaan tidak

*Suriana Che Daud, Saidatul Akmar Hj. Ismail, Zohra Hj Ibrahim & Hasnah Abdul Rahim*

memerlukan lif kerana perpustakaan hanya setingkat sahaja. Mereka hanya menggunakan tandas yang sedia dibina tanpa kemudahan untuk golongan kurang upaya.

#### **Seksyen E: Perkhidmatan perpustakaan**

Hampir kesemua perpustakaan dibuka dari jam 8:30 pagi hingga 10:30 malam bermula hari Isnin hingga Jumaat. Dua perpustakaan menjalankan perkhidmatan separuh hari dari jam 9:00 pagi hingga 1:00 petang untuk hari Sabtu dan ditutup pada hari Ahad. Dua perpustakaan memilih untuk tidak beroperasi pada hari Sabtu dan Ahad. Hanya sebuah perpustakaan dibuka pada hari Sabtu dan Ahad dari jam 10:00 pagi hingga 6:00 petang.

Kajian mendapati bahawa waktu pembukaan adalah tidak sama bagi minggu peperiksaan. Waktu pembukaan dilanjutkan sehingga 12:00 tengah malam. Oleh itu, giliran bekerja kakitangan akan dijadualkan semula.

Polisi pinjaman dan pemulangan bahan bagi kesemua perpustakaan membentuk sekurang-kurangnya dua buah buku dipinjam selama dua minggu. Tiga perpustakaan menjalankan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan. Empat perpustakaan memberi perkhidmatan penasihat pembaca dan hanya dua perpustakaan memberi perkhidmatan pencarian maklumat. Empat perpustakaan mengadakan program pendidikan pengguna dari semasa ke semasa samada secara formal atau tidak formal. Kajian mendapati perkhidmatan pencarian maklumat dan pinjaman antara perpustakaan tidak dijalankan kerana kurang permintaan.

#### **Seksyen F: Bahagian IT**

Empat perpustakaan mempunyai komputer berangkaian. Bilangannya di antara lima hingga 24 buah. Hanya sebuah perpustakaan tidak mempunyai komputer berangkaian tetapi mempunyai tujuh buah komputer peribadi tidak berangkaian untuk kegunaan pelajar. Kesemua menyediakan pencetak untuk kemudahan mencetak bagi pengguna. Empat perpustakaan menyediakan bahan maklumat dalam format CD dan pengaksesan Internet. Dua perpustakaan menyediakan perisian, pangkalan maklumat atas talian, alat pengimbas, dan alat muat turun CD. Kajian mendapati bahawa sumber kewangan yang terhad menyebabkan perpustakaan tidak mampu melanggan pangkalan maklumat atas talian.

#### **Seksyen G: Koleksi perpustakaan**

Saiz koleksi perpustakaan adalah di antara 7,000 jilid hingga 30,000 jilid. Peruntukan tahunan untuk perpustakaan bergantung kepada kadar kemasukan

## ***Kemudahan dan Perkhidmatan Maklumat di Kolej Bersekutu UiTM***

pelajar ke kolej dan pendaftaran pelajar untuk kursus-kursus bagi tahun tersebut. Hanya sebuah perpustakaan menyatakan peruntukan untuk perpustakaannya adalah sekurang-kurangnya RM150,000 setahun. Bagi kadar pertumbuhan, tiga perpustakaan meletakkan 5%, sebuah perpustakaan meletakkan 3%, dan sebuah perpustakaan tidak menyatakannya.

Dua perpustakaan menyatakan bahawa setiap fakulti/kursus mempunyai peruntukannya sendiri. Sebuah perpustakaan mengatakan bahawa ianya bergantung kepada keperluan, dan dua perpustakaan lagi tidak mempunyai peruntukan untuk fakulti/kursus. Kesemuanya bersetuju bahawa bahan-bahan perpustakaan yang utama digunakan oleh fakulti/kursus merujuk kepada senarai bahan bacaan dan cadangan daripada tenaga pengajar.

Empat perpustakaan menyediakan bahan atau tajuk tempatan yang berkaitan dengan kursus pengajaran. Kesemuanya perpustakaan menyediakan bahan rujukan am dan bahan bacaan ringan untuk para pengguna menghabiskan waktu senggang mereka. Koleksi bahan yang ada dalam semua perpustakaan adalah pelbagai format. Dari segi pemuliharaan bahan, sebuah perpustakaan melakukannya sendiri. Sebuah perpustakaan melakukannya sendiri dan juga menghantar ke syarikat luar. Manakala, tiga perpustakaan lagi tidak pernah melakukan kerja-kerja pemuliharaan.

### **Seksyen H: Organisasi bahan-bahan**

Kesemuanya perpustakaan menggunakan alatan seperti AACR2R2 dan LCSH. Dua perpustakaan menggunakan DDC. Tiga perpustakaan menggunakan LCC. Kesemuanya mengkatalog bahan mereka sendiri samada yang asal atau dengan bantuan pengkatalogan dalam penerbitan (CIP). Kajian mendapati bahawa kebanyakan responden adalah terlatih dan sentiasa mengikuti perkembangan terkini melalui Internet. Dengan adanya bantuan CIP, ini membolehkan proses kerja dilakukan dengan cepat dan mudah.

### **Seksyen I: Kawalan kualiti**

Hanya sebuah perpustakaan menjalankan aktiviti pilih buang. Empat perpustakaan tidak pernah menjalankannya. Seterusnya, hanya tiga perpustakaan menjalankan kajian ke atas kepenggunaan perpustakaan, selebihnya tidak pernah. Kajian mendapati bahawa kebanyakan perpustakaan tidak menjalankan aktiviti pilih buang ini kerana tidak ada keperluan untuknya. Biasanya aktiviti ini hanya dijalankan jika ada masalah ruang.

*Suriana Che Daud, Saidatul Akmar Hj. Ismail, Zohra Hj Ibrahim & Hasnah Abdul Rahim*

**Seksyen J: Pembangunan koleksi**

Kesemua perpustakaan sedia menerima bantuan, hadiah dan sumbangan bahan bacaan samada dari orang perseorangan, perpustakaan atau institusi lain.

**Seksyen K: Perkembangan dan latihan staf**

Tiga orang pustakawan mengakui bahawa mereka menerima latihan yang mencukupi. Seorang pustakawan mengakui tidak menerima latihan yang mencukupi terutamanya kursus pengkatalogan dan pengurusan perpustakaan. Manakala seorang lagi tidak menyatakan apa-apa kerana masih baru lagi menjawat jawatan.

**PEMERHATIAN DAN PERBANDINGAN DENGAN STANDARD PERPUSTAKAAN BAGI KOLEJ SWASTA (EDISI MEI 2002)**

Pemerhatian ini dilakukan bagi memastikan hasil penemuan yang dibuat dapat dibandingkan dengan situasi dan kedudukan sebenar perkhidmatan serta kemudahan maklumat di kolej-kolej bersekutu UiTM.

**STANDARD 1: OBJEKTIF**

Penyediaan kemudahan rujukan oleh sesebuah perpustakaan IPTS hendaklah memenuhi ciri-ciri objektif berikut:

1. Menyokong kegiatan pengajaran
2. Menyokong kegiatan pembelajaran
3. Menyokong kegiatan penyelidikan
4. Menggalakkan budaya membaca di kalangan warga institusi

Pemerhatian rambang yang dilakukan penyelidik mendapati bahawa empat perpustakaan didatangi ramai pengguna terutamanya semasa waktu puncak. Kegiatan seperti perbincangan, peminjaman, dan rujukan agak memberangsangkan. Kedudukan empat perpustakaan ini dilihat berjaya mencapai Standard 1.

**STANDARD 2: KOLEKSI**

Koleksi sebuah perpustakaan IPTS hendaklah dibangunkan secara berperingkat-peringkat dengan terancang selaras dengan perkembangan kursus-kursus pengajian yang ditawarkan oleh IPTS serta pertambahan jumlah pelajar yang mengikuti kursus-kursus tersebut:

1. Pembangunan Jenis-Jenis Koleksi
  - 1.1. Bahan-bahan untuk kurikulum
- i. Bahan Rujukan Utama*

### ***Kemudahan dan Perkhidmatan Maklumat di Kolej Bersekutu UiTM***

Menyediakan bahan-bahan rujukan utama (dua tajuk paling popular) yang digunakan sebagai teks bagi setiap mata pelajaran di dalam sesuatu kursus pengajian dengan mengambil kira panduan berikut:

Kategori		
IPTS	Kursus	Peratusan*
Baru	Baru	80%
Lama	Baru	80%
Lama	Lama	80%

\*Peratus bahan rujukan utama yang perlu disediakan.

Bahan-bahan ini perlu disediakan seawal penawaran sesuatu kursus pengajian.

Menyediakan sekurang-kurangnya 3 naskhah bagi setiap tajuk tersebut bagi setiap 150 orang pelajar untuk setiap mata pelajaran dalam sesuatu kursus pengajian dengan panduan berikut:

- (1 pinjaman jangka pendek)
- (2 pinjaman jangka panjang)

Jumlah-jumlah ini perlu ditambah selaras dengan pertambahan pelajar dengan syor terhadap penambahan naskhah pinjaman jangka pendek diutamakan.

#### *ii. Bahan Rujukan Tambahan*

Iaitu tajuk-tajuk lain dan bahan-bahan tempatan (selain bahan-bahan teks utama) yang berkaitan dengan kursus pengajian.

Pertumbuhan bahan ini adalah seperti berikut:

a. Kolej Swasta	
Seawal Penawaran Kursus	50% berbanding jumlah tajuk bahan-bahan utama disediakan untuk sesuatu kursus pengajian dengan tumpuan kepada bahan-bahan tambahan bagi tahap awal kurikulum kursus tersebut
Setahun Pengendalian	Nisbah jumlah tajuk bahan-bahan utama dan bahan-bahan tambahan hendaklah mencapai 1:1.
Tahun-Tahun Berikutnya	Jumlah tajuk bahan-bahan tambahan ini hendaklah mencapai sejulat luas daripada bahan-bahan utama yang disediakan. (nisbah jumlah tajuk bahan utama dan tambahan mencapai 1:2)

***Suriana Che Daud, Saidatul Akmar Hj. Ismail, Zohra Hj Ibrahim & Hasnah Abdul Rahim***

*iii. Ciri Khusus Kursus Pengajian*

Menyediakan berbagai bentuk bahan-bahan kedua-dua kategori di atas bergantung kepada ciri-ciri khusus kursus pengajian yang dikendalikan, ini termasuklah menyediakan lebih banyak bahan-bahan pandang dengar bagi kursus-kursus pengajian dalam bidang-bidang Perniagaan, Perubatan, Kejuruteraan, Seni Halus dan Seni Bina.

*iv. Penyediaan bahan rujukan kurikulum melalui perkhidmatan talian terus atau pangkalan data elektronik boleh diambil kira sebagai memenuhi sebahagian keperluan penyediaan bahan rujukan kurikulum dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:*

- Kemudahan yang mencukupi dari segi bilangan dan jenis peralatan bagi membolehkan pelajar mencapai bahan-bahan rujukan tersebut secara talian terus atau elektronik (rujuk *Standard 7: Kemudahan/Persekutaran*).
- Sistem kemudahan yang digunakan membolehkan pelajar menikmati kemudahan pinjaman jangka panjang. Pinjaman jangka panjang masih perlu disokong oleh bahan rujukan fizikal sekiranya sistem tersebut tidak dapat diwujudkan.

Melalui hasil temuramah yang dijalankan, penyelidik mendapati bahawa kesemua kajian mengakui bahawa bahan rujukan utama bagi setiap kursus yang ditawarkan adalah merujuk kepada senarai bahan bacaan dan cadangan yang diperolehi daripada tenaga pengajar. Pinjaman juga dibenarkan sekurang-kurangnya dua buah buku dalam jangkamasa dua minggu.

**1.2. Bahan-bahan rujukan Am**

- i. Iaitu bahan-bahan rujukan yang relevan seperti Ensaiklopedia, Kamus, Atlas, Handbook, Manual dan lain-lain.
- ii. Sekurang-kurangnya beberapa kamus-kamus bahasa yang ‘authoritative’ dan satu set ensaiklopedia umum disediakan sebaik sahaja perkhidmatan perpustakaan bermula.
- iii. Sekiranya IPTS mengambil pelajar dari negara tertentu, IPTS hendaklah menyediakan kamus dwi bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan bahasa negara tersebut pada jumlah yang mencukupi.

**1.3. Bahan-bahan rekreasi/Senggang**

- i. Iaitu bahan-bahan seperti novel-novel, majalah-majalah, akhbar-akhbar harian dan sebagainya.

## ***Kemudahan dan Perkhidmatan Maklumat di Kolej Bersekutu UiTM***

- ii. Bagi *Kolej Swasta*, kelonggaran pembangunan bahan-bahan rujukan sebegini hendaklah bermula selewat-lewatnya selepas setahun penubuhan IPTS. Bagaimanapun, adalah disyorkan bahan-bahan berkos rendah seperti akhbar harian disediakan seawal mungkin bagi menarik minat pelajar ke perpustakaan

1.4. ‘Bahan Rujukan’ merujuk kepada apa juga rujukan yang disediakan samada dalam bentuk fizikal seperti buku, jurnal, alat pandang dengar (audio visual) atau dalam bentuk maya (virtual) seperti pangkalan data talian terus (on-line database), pengkalan data elektronik (electronic database) dan sebagainya.

Kelima-lima perpustakaan menyediakan bahan rujukan am dan bahan bacaan rekreasi bagi memenuhi keperluan maklumat dan fakta terkini serta dapat memenuhi masa senggang pengguna. Koleksi bahan yang dimiliki kesemua perpustakaan adalah pelbagai format.

### **2. Saiz Koleksi**

#### **2.1. *Kolej Swasta***

- i. Saiz koleksi dari seawal penubuhan IPTS hingga ke tahun ketiga operasinya adalah bergantung kepada kursus-kursus pengajian yang ditawarkan dari segi peringkat pengajian dan jumlah mata pelajarannya serta jumlah pelajar.
- ii. Bagi tahun ketiga koleksi asas IPTS hendaklah mencapai jumlah 5,000 naskhah dengan jumlah maksimum pelajar 350 orang. Sekiranya jumlah pelajar melebihi daripada jumlah di atas, pertambahan dibuat dengan 15 naskhah bagi setiap pelajar.
- iii. Setelah lima tahun operasi koleksi perpustakaan hendaklah mencapai standard berikut:

Saiz perpustakaan	Jumlah pelajar	Koleksi
Kecil	<500	10,000 naskhah
Sederhana	501-1000	10,001-20,000 naskhah
Besar	>1000	20,001 - naskhah

Hasil perbandingan mendapati bahawa hanya sebuah perpustakaan sahaja yang telah beroperasi lebih tiga tahun, tetapi masih belum mencapai bilangan koleksi yang sepatutnya. Ia hanya mempunyai 7,000 naskhah (hingga 2004). Ini merupakan satu jumlah yang agak kecil berbanding jumlah pelajar yang melebihi 500 orang. Empat

***Suriana Che Daud, Saidatul Akmar Hj. Ismail, Zohra Hj Ibrahim & Hasnah Abdul Rahim***

perpustakaan mempunyai koleksi bahan dari 10,107 hingga 30,000 naskhah dan mengikut piawaian yang digariskan.

### **3. Kadar Pertumbuhan Tahunan**

#### **3.1. Mengambilkira perkara-perkara berikut:**

- Penawaran kursus-kursus baru
- Penerbitan edisi-edisi baru
- Pengeluaran penerbitan-penerbitan baru
- Pertambahan jumlah pelajar

3.2. Kadar pertumbuhan akan mematuhi prinsip bahawa lebih kecil koleksi, lebih besar peratus pertumbuhannya.

3.3. Bagi *Kolej Swasta* perpustakaan akan berusaha untuk mencapai kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5% setelah tiga tahun beroperasi dan kekal selagi koleksi kurang daripada 20,000 naskhah.

Hasil kajian mendapati bahawa kadar pertumbuhan tahunan tiga perpustakaan adalah sebanyak 5%. Tetapi hanya sebuah perpustakaan sahaja yang koleksinya melebihi 20,000 naskhah iaitu 30,000 naskhah. Dua lagi perpustakaan mempunyai 10,107 dan 15,000 naskhah.

### **4. Pemeliharaan dan Pemuliharaan**

4.1. Perpustakaan akan menyediakan kemudahan di dalam atau di luar bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi.

Daripada hasil kajian didapati bahawa sebuah perpustakaan memilih untuk melakukannya sendiri iaitu di dalam perpustakaan. Sebuah lagi perpustakaan memilih untuk menghantarnya ke luar dan juga melakukannya sendiri. Manakala, tiga perpustakaan tidak pernah melakukan kerja-kerja pemuliharaan.

### **5. Kawalan Mutu**

5.1. Perpustakaan perlu memilih buang dan mengkaji penggunaan koleksi secara berjadual.

Hasil temuramah mendapati hanya sebuah perpustakaan sahaja yang melakukan aktiviti pilih buang terutamanya bahan yang melibatkan pindaan Akta dan Undang-undang. Empat lagi tidak pernah melakukan aktiviti sedemikian.

## ***Kemudahan dan Perkhidmatan Maklumat di Kolej Bersekutu UiTM***

### ***STANDARD 3 : PENGELOLAAN KOLEKSI***

Koleksi-koleksi di perpustakaan hendaklah dikelolakan secara sistematik dan teratur bagi memudahkan pengurusan koleksi-koleksi tersebut oleh kakitangan dan juga memudahkan penggunaan oleh pengguna.

1. Koleksi hendaklah dikatalogkan, dikelaskan dan disusun secara sistematik mengikut piawaian-piawaian yang telah diterima ramai ('established') sejak dari awal penubuhan.
  - 1.1. Berikut adalah contoh-contoh sistem yang boleh digunakan.

Bentuk pengelolaan	Contoh
Pengkatalogan	<i>Anglo-American Cataloging Rules (AACR2)</i>
Pengkelasan	<i>Library of Congress Classification Scheme, Dewey Decimal Classification Scheme</i> atau mana-mana skim pengkelasan antarabangsa diakui.
Tajuk Perkara	<i>Library of Congress Subject Headings (LSCH), National Library of Medicine Subject Headings</i> atau mana-mana senarai tajuk-tajuk perkara antarabangsa yang diakui.

#### **2. Katalog**

- 2.1. Menyediakan sebuah katalog menyeluruh dalam apa jua bentuk untuk semua jenis bahan yang ada dalam Perpustakaan.
- 2.2. IPTS adalah digalakkan menyediakan kemudahan katalog secara elektronik (rujuk Standard 9: *Teknologi Maklumat*).

Hasil temuramah mendapati bahawa kesemua perpustakaan menggunakan sistem yang digariskan di dalam piawaian ini. Kesemuanya mengkatalog bahan-bahan mereka sendiri samada secara asal atau bantuan pengkatalogan dalam penerbitan. Bahan yang telah dikatalog disusun di rak secara sistematik dan pencarian boleh dilakukan melalui sistem katalog atas talian.

### ***STANDARD 4 : KAKITANGAN***

1. Kelayakan
  - 1.1. Kakitangan Ikhtisas

<i>Kolej Swasta</i>	Pengurus Perpustakaan hendaklah berkelayakan sekurang-kurangnya peringkat diploma di dalam bidang berkaitan. Keistimewaan hendaklah diberi kepada calon-calon yang berpengetahuan Teknologi Maklumat.
---------------------	---

***Suriana Che Daud, Saidatul Akmar Hj. Ismail, Zohra Hj Ibrahim & Hasnah Abdul Rahim***

### **1.2. Kakitangan Sokongan**

- Mereka hendaklah mempunyai kelayakan yang bersesuaian

Hasil kajian mendapati bahawa kesemua pengurus perpustakaan mempunyai kelayakan sarjana muda di dalam bidang sains perpustakaan dan maklumat, melebihi kelayakan yang ditetapkan piawaian ini. Kakitangan sokongan juga mempunyai kelayakan yang bersesuaian dengan bidang tugas masing-masing.

### **2. Saiz Kakitangan**

#### **2.1. Kolej Swasta**

i. Bilangan kakitangan perpustakaan yang perlu disediakan seawal penubuhan adalah seperti berikut:

- Seorang (1) pengurus perpustakaan dengan pengalaman di dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya 3 tahun.
- Seorang (1) pembantu perpustakaan yang menguruskan pembelian serta pemprosesan bahan dan menguruskan perkhidmatan.
- Seorang (1) orang attendan untuk kerja-kerja am.

ii. Bilangan kakitangan tersebut hendaklah ditambah selaras dengan keperluan semasa.

Hasil kajian mendapati empat perpustakaan mempunyai bilangan kakitangan yang menepati piawaian yang ditetapkan iaitu antara empat hingga sembilan orang dalam membantu kerja-kerja pengurusan perpustakaan. Manakala sebuah lagi hanya mempunyai dua orang kakitangan untuk menguruskan perpustakaan. Dari segi pengalaman pengurus perpustakaan, hanya tiga orang yang mempunyai pengalaman bekerja di antara enam hingga 18 tahun. Hanya seorang mempunyai dua tahun pengalaman, dan seorang lagi baru sebulan menjawat jawatan tersebut. Jika mengikut *Standard 5: Pengurusan*, seorang pengurus perpustakaan kolej swasta mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga tahun.

### **3. Latihan Kakitangan**

3.1. Menyediakan latihan yang sesuai dan secukupnya untuk kakitangan perpustakaan.

Hasil kajian mendapati tiga pustakawan mengakui mereka menerima latihan yang mencukupi. Seorang mengakui tidak menerima latihan yang mencukupi terutamanya bagi pengkatalogan dan pengurusan perpustakaan. Manakala seorang lagi tidak menyatakan apa-apa kerana masih baru lagi menjawat jawatan tersebut.

## ***Kemudahan dan Perkhidmatan Maklumat di Kolej Bersekutu UiTM***

### ***STANDARD 5 : PENGURUSAN***

#### **1. Jawatan Kuasa Perpustakaan**

1.1. Menubuhkan satu jawatan kuasa yang akan menggubal dasar dan peraturan. Ahli-ahli jawatankuasa ini akan terdiri daripada wakil-wakil dari semua fakulti / jabatan.

#### **2. Ketua Pustakawan**

2.1. Perpustakaan akan diketuai oleh ketua pustakawan yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus operasi, menyelia dan membuat perancangan pembangunan perpustakaan dan beliau hendaklah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun bagi Kolej Swasta dan 5 tahun bagi Universiti Swasta.

### ***STANDARD 6 : PERKHIDMATAN***

#### **1. Masa Pembukaan**

1.1. Bergantung pada keperluan kurikulum, bilangan pelajar sepenuh masa dan sambilan dan dasar-dasar IPTS.

1.2. Perpustakaan akan *dibuka sekurangnya daripada pukul 9.00 pagi hingga 6.00 petang sepanjang hari bekerja dan tambahan masa pembukaan* pada waktu malam dan hujung minggu adalah mengikut keperluan.

Hasil kajian menunjukkan jadual waktu pembukaan adalah mengikut piawaian yang digariskan.

#### **2. Perkhidmatan Sirkulasi**

2.1. Peredaran bahan-bahan akan ditentukan oleh keadaan setempat seperti saiz koleksi, bilangan naskhah dan keluasan keperluan masyarakat pengguna.

<i>Urusan</i>	<i>Perincian</i>
Pinjaman	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pinjaman jangka pendek (akses terhad, satu bahan 2 jam/3 jam/ semalam)</li><li>• Pinjaman jangka panjang (4-10 buku sehingga 2 minggu)</li></ul>
Pembekalan Dokumen	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pinjaman antara Perpustakaan (untuk semua pengguna terutamanya guru dan pelajar)</li></ul>
Pengurusan Stak	<ul style="list-style-type: none"><li>• Perpustakaan hendaklah memastikan bahawa susunan buku-buku di rak-rak sentiasa dalam keadaan teratur untuk memudahkan pengesanan.</li></ul>

2.2. Bagi kemudahan rujukan yang disediakan secara maya (virtual), IPTS perlu memastikan kelengkapan prasarana adalah mencukupi berdasarkan keperluan rujukan semasa para pengguna.

***Suriana Che Daud, Saidatul Akmar Hj. Ismail, Zohra Hj Ibrahim & Hasnah Abdul Rahim***

Kajian menunjukkan bahawa polisi pinjaman dan pemulangan bahan bagi kesemua perpustakaan membenarkan sekurang-kurangnya dua buah buku dipinjam selama dua minggu. Tiga perpustakaan menjalankan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan.

### **3. Perkhidmatan Rujukan**

3.1. Menyediakan perkhidmatan rujukan profesional seperti yang ditakrifkan oleh *Association of College and Research Libraries* (Amerika Syarikat) iaitu "perkhidmatan rujukan tradisional di mana pengguna-pengguna perseorangan dipandu oleh pustakawan-pustakawan di dalam meninjau julat dan keluasan sumber-sumber perpustakaan dan maklumat yang sedia ada untuk mereka bagi pembelajaran dan penyelidikan" akan diberikan pada masa-masa kakitangan profesional bertugas

### **4. Pendidikan Pengguna**

4.1. Menyediakan program pendidikan pengguna untuk semua pelajar baru supaya mereka dapat menggunakan sistem-sistem perpustakaan untuk membantu di dalam pembelajaran mereka.

4.2. Rancangan-rancangan yang serupa hendaklah disediakan secara berterusan untuk kakitangan pengajar dan pelajar-pelajar lama.

Hasil temuramah menunjukkan bahawa empat perpustakaan memberikan khidmat penasihat pembaca, dan hanya dua perpustakaan memberikan khidmat pencarian maklumat. Manakala, dari segi pendidikan pengguna, empat perpustakaan mengadakan program pendidikan pengguna dari semasa ke semasa samada secara formal atau tidak formal.

### **5. Salinan foto**

5.1. Menyediakan kemudahan salinan foto yang cekap tertakluk kepada Akta Hakcipta.

Kesemua perpustakaan menyediakan perkhidmatan fotokopi bagi kemudahan pengguna. Pengguna juga diberitahu tentang Akta Hakcipta.

### ***STANDARD 7 : KEMUDAHAN / PERSEKITARAN***

#### **1. Kawasan Stak**

1.1. Menyediakan kawasan stak dengan pelbagai kemudahan secukupnya dengan rak-rak bahan buku, rak-rak majalah, rak-rak bahan bukan buku dan sebagainya mengikut kesesuaian serta susun atur yang teratur. Penambahan kemudahan-kemudahan ini hendaklah dilaksanakan selaras dengan perkembangan koleksi.

### ***Kemudahan dan Perkhidmatan Maklumat di Kolej Bersekutu UiTM***

- i. Kawasan Stak Buku – 12-15 naskhah/kaki persegi termasuk ruang legar dalaman.
- ii. Majalah Kini – 2 tajuk/kaki persegi termasuk ruang legar dalaman.
- iii. Jarak di antara rak-rak – 3 kaki
  - Lebar laluan: 3'6" – 4'6"
  - Tinggi rak: 7'6"

Kajian mendapati di kawasan stak buku yang memuatkan rak terdapat dua jenis rak iaitu rak sisi sebelah dan rak sisi dua belah. Perpustakaan mempunyai rak sisi sebelah di antara dua hingga 12 buah dan rak sisi dua belah di antara lapan hingga 40 buah. Keseluruhan muatan lantai adalah di antara 12 hingga 52 buah rak.

### **2. Kawasan Bacaan**

#### **2.1. Jumlah tempat duduk di kawasan bacaan**

- i. *Kolej Swasta*: 10% daripada jumlah pelajar sepenuh masa dan separuh masa.
- ii. *Universiti Swasta* : 10% daripada jumlah pelajar sepenuh masa dan 5 % daripada jumlah kakitangan.
- iii. Keluasaan: 16 kaki persegi/pembaca termasuk ruang legar dalaman.

Hasil kajian mendapati jumlah tempat duduk yang mampu ditempatkan pada satu-satu masa adalah di antara 165 hingga 450 tempat.

### **3. Kemudahan Teknologi Maklumat – *Universiti Swasta* Sahaja:**

#### **3.1. Makmal Komputer**

- i. Bilangan komputer hendaklah bersekadar jumlah pelajar, iaitu sekurang-kurangnya 25 buah dan ditambah mengikut keperluan. Makmal komputer ini hendaklah hanyalah sebuah daripada beberapa buah makmal di kampus.
- ii. Saiz : 25 kaki persegi / pembaca

#### **3.2. Bilik Pangkalan Data Elektronik**

- i. Menyediakan stesen-stesen kerja untuk mengakses CD-ROM dan pangkalan-pangkalan data dalam talian.
- ii. Jumlah stesen kerja adalah bersekadar jumlah pelajar, iaitu sekurang-kurangnya 25. Kemudahan percetakan juga harus disediakan.
- iii. Saiz : 25 kaki persegi / pembaca

3.3. Kolej Swasta adalah digalakkan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan ini di dalam perpustakaan kelolaannya.

***Suriana Che Daud, Saidatul Akmar Hj. Ismail, Zohra Hj Ibrahim & Hasnah Abdul Rahim***

**4. Ruang Pejabat untuk Kakitangan Perpustakaan**

4.1. Diperuntukkan bagi keseluruhan kemudahan perpustakaan, ruang pejabat kakitangan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pengurusan dengan keluasan yang mencukupi dan kemudahan yang bersesuaian dari segi jenis dan bilangan.

Hasil pemerhatian mendapati sebuah perpustakaan yang tidak menyediakan ruang pejabat untuk kakitangan sokongannya.

**5. Ruang Fungsi Perkhidmatan**

5.1. Ruang yang disediakan **mengikut keperluan dan kesesuaian** di bawah kategori ini termasuk, di antara yang lain, seperti berikut:

- Ruang Legar Masuk / Pameran, Kaunter Sirkulasi / Sambutan, Tempat Simpanan Barang Pelajar, Bilik Mesyuarat, Bilik Seminar, Bilik Rehat Kakitangan, Dewan Katalog dan sebagainya.

**STANDARD 8 :BELANJAWAN**

1. Pihak pengurusan IPTS hendaklah memastikan bahawa belanjawan pembangunan dan pengurusan bagi perpustakaan dimasukkan ke dalam belanjawan operasi keseluruhan universiti atau kolej.

2. Ketua Pustakawan akan bertanggungjawab bagi penyediaan, pembelaan, pentadbiran dan pengawasan belanjawan perpustakaan pengikut objektif-objektif yang dipersetujui.

3. Belanjawan Perpustakaan yang diperakukan (bagi perolehan koleksi, kelengkapan, dan sebagainya, tidak termasuk gaji kakitangan) hendaklah sekurang-kurangnya 2% daripada jumlah belanjawan IPTS.

Hasil kajian mendapati bahawa peruntukan tahunan untuk perpustakaan bergantung kepada kadar kemasukan pelajar ke kolej dan pendaftaran pelajar untuk kursus-kursus tahun tersebut. Hanya sebuah perpustakaan yang menyatakan peruntukan untuk perpustakaannya sekurang-kurangnya RM150,000 setahun. Tidak dinyatakan samada peruntukan tersebut adalah 2% daripada jumlah belanjawan IPTS.

**STANDARD 9 : TEKNOLOGI MAKLUMAT (TM)**

1. IPTS adalah dikehendaki membangunkan kemudahan teknologi maklumat di perpustakaan secara berperingkat-peringkat sejak seawal penubuhan perpustakaan.

2. Ciri-ciri sistem maklumat yang boleh dibangunkan secara berperingkat-peringkat oleh IPTS adalah seperti berikut:

2.1. Sistem Maklumat Perpustakaan

## ***Kemudahan dan Perkhidmatan Maklumat di Kolej Bersekutu UiTM***

### **i. Perisian**

Menggunakan perisian Sistem Maklumat Perpustakaan yang sekurang-kurangnya menyokong pengkatalogan / inventori secara dalam talian, mendapat kembali maklumat, perkhidmatan sirkulasi dan penulisan laporan (*reportwriting*).

### **ii. Perkakasan**

Komputer yang digunakan mampu menyimpan perisian Sistem Maklumat Perpustakaan dan peralatan rangkaian yang berkaitan dapat menyokong ciri-ciri asas seperti telnet, email dan TCP/IP. Ini akan membolehkan kerjasama dan perkongsian sumber yang lebih di antara cawangan-cawangan dan perpustakaan-perpustakaan / organisasi-organisasi.

iii. Perpustakaan juga hendaklah memastikan kecukupan stesen-stesen kerja dan terminal/PC bagi Katalog Awam Dalam Talian (OPAC) di dalam perpustakaan iaitu sekurang-kurangnya satu terminal OPAC/PC bagi setiap 200 ahli.

### **3. Mikrokomputer dan Perisian**

3.1. Perpustakaan akan memperolehi sebilangan mikrokomputer dan perisian berkaitan yang mencukupi untuk kerja-kerja pejabat harian seperti Penerbitan Desktop, surat-menyerat dan mel elektronik. Contoh perisian: Wordprocessing, Desktop Publishing, Spreadsheet

3.2. Perpustakaan hendaklah memastikan bahawa lesen rangkaian dibeli bagi pangkalan data/perisian yang dipasang pada pelayan rangkaian.

3.3. Akta Hakcipta hendaklah dipatuhi pada semua ketika dengan memastikan bahawa hanya perisian yang dibeli digunakan.

### **4. Prasarana**

Perpustakaan akan menyediakan prasarana untuk menyokong perkhidmatan perpustakaan berautomasi dan fungsi-fungsi pengurusan secara setempat atau dari jauh. Prasarana sedemikian akan meliputi pemasangan *Local Area Network* (LAN), *Wide Area Network* (WAN) dan *Internet Connection* melalui telefon atau LAN.

### **5. Kakitangan**

5.1. Perpustakaan akan melantik kakitangan yang berkelayakan dalam TM, khususnya seorang yang mempunyai sijil pengaturcaraan program.

Hasil temuramah mendapati bahawa sebuah perpustakaan mempunyai komputer yang berangkaian. Bilangannya di antara lima hingga 24 buah. Hanya sebuah perpustakaan yang tidak mempunyai komputer berangkaian tetapi mempunyai tujuh buah komputer peribadi tidak berangkaian untuk kegunaan pelajar. Kesemuanya menyediakan pencetak untuk kemudahan mencetak bagi pengguna. Empat

***Suriana Che Daud, Saidatul Akmar Hj. Ismail, Zohra Hj Ibrahim & Hasnah Abdul Rahim***

perpustakaan menyediakan bahan maklumat dalam format CD dan pengaksesan Internet. Dua perpustakaan menyediakan perisian, pangkalan maklumat atas talian, alat pengimbas, dan alat muat turun CD.

## **PENUTUP**

Penyelidikan berkaitan dengan keadaan perpustakaan di kolej francais UiTM merupakan salah satu usaha bagi menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran dipelihara. Kolej-kolej ini wajar mematuhi piawaian yang ditetapkan iaitu *Standard Perpustakaan Bagi Kolej Swasta* yang disediakan oleh PERPUN bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang terbaik untuk pensyarah serta pelajar. Kajian ini juga dilaksanakan untuk mengenalpasti sejauh mana perpustakaan tersebut mengikuti piawaian yang disediakan

Walau bagaimana pun, tumpuan kajian ini hanya kepada kolej bersekutu yang berada sekitar Lembah Kelang sahaja. Hanya lima buah kolej sahaja yang terlibat. Penilaian kajian ini juga bersandarkan standard oleh PERPUN. Antara aspek yang terlibat adalah kemudahan fizikal, kemudahan maklumat dan lain-lain kemudahan. Kajian ini dilakukan secara kualitatif untuk mendapat gambaran yang sebenar mengenai kemudahan maklumat yang disediakan. Semua pustakawan dan pengurus perpustakaan dijadikan responden.

Hasil kajian mendapati bahawa 60% hingga 80% daripada kolej tersebut mencapai tahap piawaian yang ditetapkan. Hanya standard tertentu sahaja yang perlu diperkemaskan dan diambil perhatian, iaitu latihan kakitangan, belanjawan, pemeliharaan atau pemuliharaan, dan aktiviti pilih buang. Adalah diharapkan kajian ini dapat memberi gambaran sebenar keupayaan perpustakaan kolej bersekutu UiTM yang sering kali dipersoalkan mempunyai kualiti yang tidak setanding UiTM. Jika dilihat dari hasil kajian yang diperolehi, pandangan ini adalah jauh daripada kebenaran.

## **RUJUKAN**

Hofstetter, F. T. 1995. *Multimedia literacy*. New York: McGraw-Hill.

*Kertas Kerja Kajian Sistem Pendidikan Kebangsaan*. n.d.. Diakses pada 17 Mac 2009 dari <http://members.tripod.com/~sarjana/ipts1.html>

Maughan, P. D. 1999. Library resources and services: A cross-disciplinary survey of faculty and graduate student use and satisfaction. *Journal of Academic Librarianship*, Vol. 25, no. 5: 354-366.

***Kemudahan dan Perkhidmatan Maklumat di Kolej Bersekutu UiTM***

- Marcum, D. B. & George, G. 2003. Who uses what? Report on a national survey of information users in colleges and universities. *D-Lib Magazine*, Vol. 9, no. 10: 44. Diakses pada 24 Mei 2005 dari <http://www.dlib.org/dlib/october03/george/10george.html>
- PERPUN. 2002. *Standard perpustakaan bagi kolej swasta*. Diakses pada 24 Mei 2005 dari <http://jpt.mohe.gov.my/RUJUKAN/GARIS%20PANDUAN/StandardPerpustakan.pdf>
- Wood, K. 1997. Professional education: historical review. IN: J. Elkin and T. Wilson (Eds.). *The Education of Library and Information Professionals in the United Kingdom*. London: Mansell. pp. 1-30.